



## Pemilihan peluang untuk penambahbaikan

- Temujanji akan diberikan bagi cabutan surgikal gigi geraham bongsu, rawatan akar, pembuatan gigi palsu serta rawatan kompleks yang lain.
- Permasalahan telah dikenalpasti di mana masa rawatan untuk pesakit luar meningkat semasa memberi penerangan mengenai cabutan surgikal gigi geraham bongsu.
- Hal ini kerana, perawat perlu menerangkan prosedur sambil menunjukkan contoh prosedur yang ada di laman sesawang supaya pesakit lebih memahami rawatan yang bakal dijalani.
- Oleh itu, tercetusnya ilham untuk mewujudkan satu panduan bagi mengurangkan masa untuk memberi penerangan kepada pesakit seterusnya meningkatkan lagi kefahaman pesakit.



## Pengukuran utama penambahbaikan

- Penghasilan projek ini dapat menjimatkan masa dalam menerangkan prosedur cabutan surgikal gigi geraham bongsu dan meningkatkan kefahaman pesakit.
- Kesan penggunaan projek ini akan dikaji melalui borang kajian kepuasan pelanggan yang diedarkan kepada pesakit dan perawat.

## Proses pengumpulan maklumat

- Masalah yang dihadapi sebelum projek ini dihasilkan diperoleh melalui temubual bersama perawat dan pesakit. Data ini direkodkan di dalam Word document.

## Analisis dan interpretasi

- Masa yang digunakan semasa merawat pesakit luar meningkat, apabila perawat perlu menerangkan prosedur rawatan cabutan surgikal gigi geraham bongsu kepada pesakit.
- Maklumbalas yang diterima daripada pesakit adalah masa yang panjang untuk penerangan dan kurang kefahaman berkaitan prosedur.
- Hal ini demikian kerana ketiadaan gambar rajah secara visual menyukarkan pesakit untuk memahami prosedur tersebut.

## Strategi penambahbaikan

- Flipchart ini akan digunakan di setiap klinik Pergigian daerah Perak Tengah. Flipchart ini akan digunakan oleh pegawai pergigian semasa rawatan pesakit luar khususnya semasa penerangan bagi pesakit yang memerlukan pembedahan surgikal gigi geraham bongsu sebelum tarikh temujanji diberikan.
- Proses penggunaan flipchart ini melibatkan penerangan visual beserta penjelasan ringkas secara lisan.

## Kesan penambahbaikan

- Pengumpulan data berkaitan masa penerangan dan kepuasan pelanggan akan diukur pada September 2024 sehingga Disember 2024. Projek ini diharapkan dapat menjimatkan masa penerangan rawatan dan memudahkan pesakit memahami prosedur rawatan serta melancarkan perjalanan rawatan pesakit luar.

## Langkah seterusnya

- Projek ini dalam perancangan untuk diedarkan dan digunakan oleh klinik pergigian kerajaan di seluruh Perak.

Penghargaan: Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Perak Tengah